

27 JUL 1999
MAHATHIR-LID
LID KEEMPAT SATU KEJAYAAN BESAR, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) keempat yang tamat hari ini, dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan "satu kejayaan besar" tetapi mengingatkan negara-negara sedang membangun terhadap "keadaan bahaya" di hadapan berikutan globalisasi dan zaman teknologi.

Tepukan bergemuruh daripada lebih 300 peserta selepas Perdana Menteri menamatkan ulasannya adalah satu isyarat yang jelas bahawa dialog empat hari itu telah merupakan satu kejayaan yang hebat.

Dr Mahathir berkata masa telah tiba bagi mereka menganggap diri mereka sendiri sebagai rakan-rakan bestari.

"Perkara paling bijak bagi kita lakukan ialah bekerja sama supaya kita dan rakan-rakan kita boleh mendapat manfaat," katanya di dalam ulasan penutup sebagai pengantara sesi akhir LID mengenai "Jalan Ke Hadapan - Perkongsian Pintar di dalam Komanwel dan Selepasnya," di sini.

Dr Mahathir mengingatkan para peserta yang terdiri daripada para pemimpin ekonomi sedang muncul, ketua-ketua industri dan ahli-ahli ekonomi bahawa mereka boleh mencapai tahap paling tinggi jika mereka sanggup bekerja bersama-sama.

"Apabila kita himpunkan semua sumber kita, kita akan mendapati bahawa sebenarnya kita mempunyai kekuatan yang agak besar," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam tahun-tahun mendatang, terutamanya dengan kemunculan alaf baru, "kita akan menghadapi banyak masalah."

Perdana Menteri berkata sama ada alaf baru itu adalah dalam tahun 2000 atau 2001, apa yang lebih penting ialah bahawa dunia telah memasuki zaman teknologi maklumat (IT) di mana "semua perkara akan dilakukan dengan berbeza" dengan cara elektronik.

"Kita akan mempunyai E-kerajaan, E-Dagang dan E-semua," katanya.

Memperingatkan mereka bahawa zaman IT akan amat sukar, Dr Mahathir berkata negara-negara membangun hampir tidak mengetahui bagaimana menguruskan ekonomi mereka di bawah kerangka atau regim kewangan dunia lama.

"Dan kini kita diminta membuang seluruh regim itu dan mendapatkan sesuatu dinamakan perdagangan elektronik. Apa yang anda perlu lakukan ialah tekan butang anda pada komputer anda dan berbilion-bilion dolar boleh melintasi sebarang bilangan sempadan di seluruh dunia.

Apabila Dr Mahathir berkata paling banyak, ia akan meninggalkan kesan kemusnahan, satu kerosakan teknik membabitkan pembesar suaran berlaku, menyebabkan beliau berkata "ada orang tidak suka saya."

Perdana Menteri berkata itulah yang dialami Malaysia. Beliau merujuk kepada krisis kewangan Asia yang disebabkan oleh spekulator dan manipulator matawang.

"Sebenarnya, tiada wang. Kami memang tidak pernah ada wang sejumlah itu.

"Dunia tiada mempunyai berbilion-bilion dolar sama ada dalam bentuk emas, kertas bahkan apa jua. Semua yang berlaku ialah bahawa pedagang-pedagang matawang yang hebat, dana-dana lindung nilai dan bank-bank besar cuma tekan butang dan wang di seberang sempadan untuk memperkaya segelitir dan memiskinkan banyak rakyat," katanya.

Mengenai perkongsian bestari, Dr Mahathir berkata ia telahpun berakar umbi di kalangan negara membangun.

"Ia bukanlah satu ideologi baru, ia bukan satu anutan baru tetapi ia

satu gagasan yang masanya telah tiba," katanya.

Beliau berharap bahawa dalam masa perbincangan mereka, para peserta telah mengetahui bukan sahaja banyak perkara tetapi juga mengenai satu sama lain.

"Pada dasarnya kita adalah rakan kongsi dan kita harap bahawa kita dapat bertemu dan bekerja sebagai rakan kongsi, sebagai sahabat dan bekerja bersama-sama untuk melindungi perkara-perkara kecil yang kita perolehi untuk diri kita sendiri," tambah Dr Mahathir.

-- BERNAMA

TM FR OS